

09 AUG 1996

AGONG UTUS PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PRESIDEN ECUADOR

KUALA LUMPUR, 9 Ogos (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar mengutus perutusan tahniah kepada Presiden Abdala Bucaram Ortiz dari Ecuador sempena perlantikan semula beliau ke jawatan itu.

Dalam perutusan itu, Seri Paduka dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah juga mengucapkan tahniah kepada Presiden Ortiz sempena hari kemerdekaan Ecuador.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed dalam perutusannya kepada Presiden Ortiz berkata beliau yakin Ecuador akan terus menikmati pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran berkekalan di bawah pimpinan Presiden Ortiz.

Dr Mahathir berharap mereka dapat bekerjasama untuk terus membangunkan hubungan Malaysia dan Ecuador.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dalam perutusannya kepada rakan sejawatannya Galo Leoro Franco berkata beliau berharap dapat bekerjasama dengan Franco dalam mengukuhkan hubungan kedua-dua negara. --
BERNAMA